

CADANGAN PINDAAN PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)**

ISI KANDUNGAN

OBJEKTIF

LATAR BELAKANG

SINGKATAN KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT

SINGKATAN KATEGORI LESEN

RUMUSAN PINDAAN

PENUTUP

OBJEKTIF

Untuk meminda, menambah atau memansuhkan peruntukan perundangan yang tidak lagi relevan (*sunset clause*) dan mengemaskini Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dengan peruntukan-peruntukan baharu dengan mengambil kira keperluan, kepentingan dan perkembangan industri kelapa sawit.

LATAR BELAKANG

Selaras dengan perkembangan pesat industri kelapa sawit di Malaysia, MPOB sentiasa menjalankan kajian dan semakan semula undang-undang dan polisi yang mentadbir industri ini termasuklah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 yang mula dikuatkuasa pada 1 Januari 2006.

10.08.2020



Sesi konsultasi terhadap cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit (Pelesenan) 2005 bersama pemegang taruh dan persatuan berkaitan industri kelapa sawit telah diadakan di Dewan Persidangan, Wisma Sawit, Kelana Jaya.

26.10.2020



Draf pindaan ke atas Peraturan Pelesenan 2005 telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga MPOB ke-111.

LATAR BELAKANG

06.01.2022



Mesyuarat Lembaga ke-120 bersetuju ke atas cadangan pindaan fi lesen termasuk pemansuhan kategori lesen DA, DN dan DT.

11.04.2022



'Clean Copy' draf Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2022 dalam dua (2) versi iaitu dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta Jadual Justifikasi telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Nota:

DA – Peniaga Asid Lemak Sawit

DN – Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit

DT – Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit

LATAR BELAKANG

20.04.2022,
27.06.2022 &
29.8.2022



Tiga (3) sesi konsultasi bersama pemegang taruh dan persatuan industri kelapa sawit berkaitan pemansuhan kategori lesen DA, DN dan DT telah diadakan bertujuan memberi penjelasan dan justifikasi cadangan tersebut.

06.10.2022



Mesyuarat Lembaga MPOB ke-124 memutuskan kategori DN dikekalkan.

SINGKATAN KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT

| No. | KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT | SINGKATAN |
|-----|--|-----------|
| 1 | Buah Kelapa Sawit | FFB |
| 2 | Isirung Sawit | PK |
| 3 | Oleokimia Sawit | PCM |
| 4 | Bungkil Isirung Sawit | PKC |
| 5 | Bahan Tanaman Kelapa Sawit | OPPM |
| | 5.1 Biji Benih Kelapa Sawit | SDS |
| | 5.2 Anak Benih Kelapa Sawit | SLG |
| | a) Anak Benih Kelapa Sawit daripada Biji Benih Kelapa Sawit | SLGBIJI |
| | b) Anak Benih Kelapa Sawit daripada Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit | SLGTISU |
| | 5.3 Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit | PFOPT |
| 6 | Minyak Sawit | PO |
| | 6.1 Minyak Sawit Mentah | CPO |
| | 6.2 Minyak Sawit Yang Diproseskan | PPO |
| | 6.3 Minyak Isirung Sawit Mentah | CPKO |
| | 6.4 Minyak Isirung Sawit Yang Diproseskan | PPKO |
| | 6.5 Minyak Sawit Keladak | SPO |
| | 6.6 Minyak Sawit dari Fiber Mesokarpa | PFO |
| | 6.7 Asid Lemak Sawit | PFA |

SINGKATAN KATEGORI LESEN

| No. | KATEGORI | SINGKATAN |
|-----|---|-----------|
| 1 | Kilang Pelumat Isirung Sawit | CF |
| 2 | Kilang Oleokimia Sawit | CM |
| 3 | Peniaga Asid Lemak Sawit | DA |
| 4 | Peniaga Buah Kelapa Sawit | DF |
| 5 | Peniaga Isirung Sawit | DK |
| 6 | Peniaga Minyak Sawit | DL |
| 7 | Peniaga Oleokimia Sawit | DM |
| 8 | Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit | DN |
| 9 | Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit | DT |
| 10 | Estet | ET |
| 11 | Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal | KB |
| 12 | Kemudahan Simpanan Pukal | KS |

| No. | KATEGORI | SINGKATAN |
|-----|--|-----------|
| 13 | Makmal | LB |
| 14 | Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit | MB |
| 15 | Kilang Buah Kelapa Sawit | MF |
| 16 | Tapak Semaian | NN |
| 17 | Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit | NS |
| 18 | Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit | NT |
| 19 | Oil Pengimport Keluaran Kelapa Sawit | PM |
| 20 | Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit | PX |
| 21 | Kilang Penapis | RF |
| 22 | Kebun Kecil | SH |
| 23 | Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit | UK |
| 24 | Pengangkut Minyak Sawit | TL |

RUMUSAN PINDAAN

| Bil. | PERKARA | PERUNTUKAN SEDIA ADA | PINDAAN / TAMBAHAN / MANSUH |
|------|--|--|---|
| 1 | Tambahan definisi: <ul style="list-style-type: none"> - Eksport - Import - Minyak sawit dari fiber mesokarpa (PFO) | Peraturan 2 – Tafsiran | |
| 2 | Pengenaan fi pentadbiran bagi setiap permohonan lesen | Peraturan 8 – Permohonan bagi lesen | Peraturan 8 – Permohonan bagi lesen Pengenaan fi pentadbiran pada setiap permohonan baru dan pembaharuan lesen sebanyak: <ul style="list-style-type: none"> • RM100 lain-lain kategori kecuali SH • RM500 bagi MB & RM5,000 bagi tambahan daya pemprosesan (MF) (Fi pentadbiran tidak akan dipulangkan) |
| 3 | Fi pentadbiran tidak akan dipulangkan | Peraturan 10 – Pengeluaran atau penolakan pengeluaran lesen | Peraturan 10 – Pengeluaran atau penolakan pengeluaran lesen <ul style="list-style-type: none"> • Fi pentadbiran ke atas semua kategori lesen kecuali SH tidak akan dipulangkan |
| 4 | Jangka masa lesen dipanjangkan | Peraturan 13 – Jangka masa lesen <ul style="list-style-type: none"> • Sedia ada hanya 1 tahun | Peraturan 13 – Jangka masa lesen <ul style="list-style-type: none"> • Maksimum 3 tahun |

RUMUSAN PINDAAN

| Bil. | PERKARA | PERUNTUKAN SEDIA ADA | PINDAAN / TAMBAHAN / MANSUH |
|------|---|---|---|
| 5 | Pemansuhan fi lewat | Peraturan 14 – Pembaharuan lesen Pembaharuan lesen hendaklah dilakukan 3 bulan sebelum tarikh tamat lesen | Peraturan 14 – Pembaharuan lesen <ul style="list-style-type: none"> • Fi lewat (denda RM100 sehari jika memperbaharui lesen 30 hari sebelum tarikh tamat lesen) dimansuhkan • Pemegang lesen boleh memohon pembaharuan lesen dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh tamat lesen |
| 6 | Pembaharuan lesen selepas tarikh tamat tempoh dan pengenaan fi habis tempoh | Peraturan 14 – Pembaharuan lesen <ul style="list-style-type: none"> • Fi habis tempoh lain-lain kategori – RM5,000 maksimum/ 500% fi lesen (3 bulan) • Fi habis tempoh kategori Kebun Kecil (SH) – RM50 (setahun) | Peraturan 14A – Pembaharuan lesen lepas tarikh tamat tempoh, dsb. <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat sehingga 90 hari selepas tarikh tamat tempoh (syarat: membayar fi habis tempoh RM100 sehari dengan maksimum RM5,000) • Tiada denda bagi SH. SH masih boleh membuat pembaharuan lesen dalam tempoh 1 tahun dari tarikh tamat lesen |
| 7 | Penggantungan, pembatalan dan lesen yang tidak diperbaharui | Peraturan 15 – Penggantungan, pembatalan dan lesen yang tidak diperbaharui <ul style="list-style-type: none"> • Sedia ada, pemegang lesen hadir secara sendiri/ diwakili oleh orang yang diberi kuasa secara bertulis | Peraturan 15 - Penggantungan, pembatalan dan lesen yang tidak diperbaharui <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang lesen boleh membuat representasi terhadap pelanggaran secara bertulis dan Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan representasi bertulis tersebut |

RUMUSAN PINDAAN

| Bil. | PERKARA | PERUNTUKAN SEDIA ADA | PINDAAN / TAMBAHAN / MANSUH |
|------|--|---|--|
| 8 | Pindaan pada lesen atas permintaan | Peraturan 16 – Pindaan pada lesen atas permintaan | <p>Peraturan 16 – Pindaan pada lesen atas permintaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan Borang MPOB EL(6A) di dalam Jadual Ketiga bagi setiap pindaan pada lesen berserta fi yang ditetapkan di Jadual Kelima • Pemulangan fi kepada pemegang lesen jika pindaan tidak dapat dilaksanakan |
| 9 | Permohonan menambah daya pemprosesan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) | Tiada | <p>Peraturan 16A – Permohonan menambah daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan baru mengenai tatacara permohonan menambah daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit • Permohonan disertakan dengan fi pentadbiran RM5,000 yang tidak akan dipulangkan semula kepada pemohon |
| 10 | Fi penyerahan balik lesen | Peraturan 18 – Penyerahan balik lesen | <p>Peraturan 18 - Penyerahan balik lesen</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fi penyerahan balik lesen tidak akan dipulangkan kepada pemegang lesen. |

RUMUSAN PINDAAN

| Bil. | PERKARA | PERUNTUKAN SEDIA ADA | PINDAAN / TAMBAHAN / MANSUH |
|------|---|---|---|
| 11 | Pengklasifikasian semula asid lemak sawit (PFA) kepada minyak sawit (PO) dan produk PO baru iaitu minyak sawit dari fiber mesokarpa (PFO) | Jadual Keempat - Butiran 3 Bahagian 1 | Jadual Keempat – PFO dan PFA dimasukkan di bawah produk PO |
| 12 | Pemansuhan kategori Peniaga Asid Lemak Sawit (DA) dan Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT) | Peraturan 5(1) Jadual Ketujuh (Kategori Lesen) | Peraturan 5(1) - produk PFA dipotong Jadual Ketujuh - kategori DA dan DT dipotong Jadual Keenam - syarat lesen khas DA dan DT dipotong |
| 13 | Pindaan Fi Lesen dan pengenaan fi pentadbiran | Jadual Kelima | Jadual Kelima Fi lesen dinaikkan kepada RM200 bagi setiap aktiviti dan produk. Terpakai kepada semua kategori kecuali: a) MB dan MF - RM1,000 b) PM dan PX - RM500 c) SH - Percuma Lesen sementara - separuh dari kadar fi lesen bagi tempoh setahun. |

PENUTUP

Pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 ini hendaklah dilaksanakan selaras dengan perkembangan pesat industri kelapa sawit Malaysia bagi memastikan pertumbuhan sihat dan teratur industri kelapa sawit negara.